

31 DEC 2002

Mahathir-Perutusan

MEREKA YANG CABUL KEBEBASAN NEGARA AKAN TERIMA PADAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya bijak membuat pilihan dalam mencorakkan masa depan negara ini dan memberi amaran bahawa sesiapa yang mencabuli kebebasan Malaysia akan menerima padahnya.

Dalam perutusan tahun baru 2003 yang disiarkan oleh RTM malam ini, Perdana Menteri berkata rakyat juga perlu yakin akan kebolehan diri sendiri serta perancangan dan pendekatan kerajaan dalam menangani masalah dan memajukan negara.

"Malaysia adalah negara kita bersama. Di sinilah kita lahir, di sinilah kita membesar, di sinilah kita mencari nafkah dan di sinilah kita hembus nafas terakhir.

"Baik negara ini adalah kerana kita, buruk negara ini adalah kerana kita juga. Kita boleh pilih. Bijak-bijaklah memilih kerana yang dipertarungkan ialah hidup mati kita," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia tidak boleh menggoncang atau memperbetulkan dunia, ia masih mampu secara relatif menentukan keselamatan, kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyatnya sendiri.

"Jika kita percaya kita boleh menyelamatkan negara kita daripada bencana yang melanda dunia sekarang, besar kemungkinan kita akan berjaya," kata Perdana Menteri yang turut meminta rakyat memupuk budaya kerja dan etika yang sesuai dengan kejayaan.

Beliau berkata jika tidak ada malapetaka besar seperti peperangan di Iraq, ekonomi dunia akan pulih sedikit manakala ekonomi negara mampu mencapai pertumbuhan lebih baik berbanding 2002.

Sambil berikrar untuk mempertahankan negara daripada pencabulan kuasa asing, Dr Mahathir berkata sudah ada negara bongkak yang mendakwa mereka berhak mengambil tindakan "pre-emptive" (pencegahan) dan "forward defence" (mempertahankan diri dari awal) yang melibatkan negara ini.

"Kita berjanji jika ada sesiapa mencabul kebebasan negara kita dengan tindakan 'pre-emptive' atau 'forward defence', mereka akan dapat apa yang disebut oleh Mat Saleh sebagai 'a bloody nose' (padah)," katanya.

Dr Mahathir berkata perjuangan untuk membebaskan Malaysia dilakukan bukannya supaya orang asing boleh membuat apa sahaja yang disukai kepada negara ini.

"Ingatlah, ketidakadilan dan kebongkakan seperti inilah yang menyebabkan bangsa yang lemah dan kecewa memilih keganasan sebagai cara bertindak balas. Mereka tidak ada pilihan lain," katanya.

Beliau mengingatkan pihak-pihak di Malaysia yang ingin mengganas bahawa negara ini bukan seperti negara tertentu yang memiliki kerajaan yang gagal membangunkan negara atau mengatasi kemiskinan serta menggunakan kekerasan untuk mengekalkan kuasa.

Di Malaysia, katanya, rakyat boleh menukar kerajaan hanya dengan mengundi dan, oleh itu, keganasan untuk merebut kuasa adalah sesuatu yang tidak perlu.

Dr Mahathir berkata perebutan kuasa secara ini bermakna wujud niat untuk mendirikan kerajaan kuku besi yang membelakangkan hak rakyat.

Katanya kerajaan yang zalim tetap akan mencetuskan huru-hara, kemerosotan ekonomi dan kelemahan negara yang akhirnya membawa kepada lenyapnya kebebasan dan penguasaan negara oleh pihak lain.

"Kononnya mereka ingin mendirikan negara Islam. Ini hanyalah helah sahaja untuk memperdayakan rakyat, untuk meraih sokongan dan simpati rakyat

sebelum berkuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata, mengambil kira bahawa Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam dan majoriti penduduk Islamnya berpuas hati dengan keIslaman negara ini, tidak perlu keganasan dilakukan untuk menjatuhkan kerajaan yang halal dan sah yang memerintah sekarang.

Puak-puak pelampau lain yang tidak sensitif terhadap puak dan kaum lain di negara ini, perlu menghentikan tuntutan keterlaluan mereka yang hanya akan menggugat kestabilan negara, katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai sikap tidak sihat ramai rakyat Malaysia yang menuntut kemudahan kelas satu tetapi hanya sanggup membayar harga kelas tiga.

"Sebenarnya, bayaran untuk khidmat dan kemudahan awam di Malaysia amatlah rendah. Kita bayar kurang dari RM10 untuk menggunakan Jambatan Pulau Pinang pergi dan balik. Di Jepun, bayaran untuk satu hala sahaja ialah RM250 untuk jambatan lebih pendek," katanya.

Dr Mahathir berkata jika rakyat tidak sanggup mengeluarkan bayaran yang setimpal untuk sesuatu kemudahan, maka mereka tidak boleh menuntut untuk mendapat lebih daripada apa yang mampu dibayar.

Perdana Menteri berkata kerajaan sekarang tidak membazir kerana ia membelanjakan wang rakyat dengan bijak demi kepentingan mereka dan tidak berlagak seperti kerajaan negara maju apabila membangunkan negara.

Segala kemudahan yang disediakan untuk rakyat serta pembinaan beberapa projek seperti pusat pentadbiran Putrajaya dan menara tertinggi di dunia, semuanya dibuat mengikut kemampuan negara, katanya.

"Inilah cara kita di Malaysia. Sebab itu keadaan kewangan kita masih sihat dan ekonomi kita berada dalam keadaan baik.

"Selagi kita semua, kerajaan dan rakyat, tidak menuntut lebih daripada yang kita mampu, selagi kita sanggup membayar cukai, yuran dan tol yang setimpal dan berpatutan, selama itulah negara kita akan terus selamat, dan penjajahan oleh kuasa asing tidak akan berlaku," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
MAM AFY MAI